


Keperluan Penyata Penyesuaian Bank Untuk Perniagaan Milikan Tunggal Atau Perseorangan

Rafizan Abdul Razak

Perniagaan milikan tunggal atau perseorangan merupakan satu jenis perniagaan yang banyak beroperasi di Malaysia. Perniagaan jenis ini agak mudah ditubuhkan dan tidak perlu mematuhi banyak peraturan seperti Akta Syarikat 2016 yang ditetapkan untuk jenis-jenis perniagaan yang lain seperti syarikat sendirian berhad atau syarikat berhad. Walaupun tidak terikat dengan banyak peraturan, pemilik perniagaan mestilah mempunyai rekod kewangan yang kemas dan sistematik untuk menilai prestasi perniagaan. Salah satu aspek yang penting adalah menyimpan buku tunai rekod pembayaran atau penerimaan dan penyata penyesuaian bank.



Setiap bulan rekod penyata bank akan diberikan kepada semua pemegang akaun oleh bank. Rekod ini akan menunjukkan semua transaksi aliran masuk dan keluar wang tunai di bank. Apabila penyata bank ini telah dijana oleh pihak bank pemilik akaun perlu menyemak semua transaksi dipaparkan untuk memastikan rekod yang disimpan dalam buku tunai perniagaan sama seperti dalam penyata bank diterima. Sekiranya pemilik perniagaan mendapati terdapat perbezaan dalam rekod maka penyata penyesuaian bank perlu disediakan untuk mengenal pasti apakah yang menyebabkan berlaku perbezaan tersebut. Pemilik perniagaan tunggal tidak boleh menganggap perkara ini tidak penting untuk diteliti walaupun telah menjalankan dan mengawal aktiviti perniagaan mereka secara mutlak.

perkara ini tidak penting untuk diteliti walaupun telah menjalankan dan mengawal aktiviti perniagaan mereka secara mutlak.



Tahukah anda terdapat beberapa punca yang boleh menyebabkan berlakunya perbezaan dalam rekod buku tunai dan penyata bank? Antaranya seperti cek yang dikemukakan tidak lengkap, cek yang dikeluarkan atau diterima masih belum ditunaikan di bank oleh pelanggan, transaksi arahan tetap untuk pembayaran secara terus melalui bank atau kepada satu pihak yang lain, faedah atau caj yang dikenakan oleh pihak bank ataupun kesilapan catatan samada dilakukan dalam buku tunai mahupun kesilapan catatan oleh pihak bank.

Setelah punca di atas dapat dikenal pasti, maka pemilik perniagaan boleh menggunakan penyata penyesuaian bank untuk mengemaskini rekod buku tunai mereka. Dengan cara ini, semua transaksi sepanjang tempoh tersebut akan direkodkan dalam buku tunai atau dalam penyata penyesuaian bank. Di akhir proses ini jumlah yang dipaparkan dalam buku tunai akan diselaraskan semula supaya ianya sama seperti jumlah yang terdapat di dalam penyata bank. Sebarang ketinggalan catatan atau kesilapan juga dapat diperbetulkan melalui proses ini.

Sebagai contoh terdapat rekod penerimaan bayaran di dalam penyata bank daripada pelanggan pada bulan lepas yang masih belum direkodkan dalam buku tunai perniagaan, oleh itu transaksi ini akan diselaraskan semula dalam buku tunai kerana penyata bank yang lengkap hanya akan dapat dilihat oleh pemilik akaun pada awal bulan yang berikut. Contoh yang lain seperti berlakunya kesilapan catatan jumlah pembayaran tunai dalam penyata bank oleh pihak bank, oleh itu kesilapan ini akan diselaraskan semula dalam penyata penyesuaian bank. Ini penting untuk memastikan perbezaan yang berlaku bukan disebabkan kesalahan yang disengajakan.

Bank Reconciliation			
May 31			
Bank Statement		Company's Books	
Ending balance per Bank Statement	705	Ending balance per cash account	705
Additions:		Additions:	
Cheque Deposited not yet cleared	220		
Subtractions:		Subtractions:	
Cheque issued but not deducted	(20)	Deposited directly in bank	(20)
Cheque issued but not deducted	(150)	Service charge not deducted	(50)
Up-to-date cash balance	485	Up-to-date cash balance	485

Selain itu proses ini juga boleh mengelakkan daripada berlakunya manipulasi atau penipuan oleh staf samada dari pihak bank atau pekerja yang menyediakan buku tunai tersebut. Semoga perkongsian ringkas ini dapat memberi manfaat kepada pemilik perniagaan untuk menguruskan rekod kewangan dengan lebih sistematik dan teratur.

Rujukan:

Fatimah Abdul Rauf, Amla Abu, Radziah Mahmud, FINANCIAL ACCOUNTING FOR NON-ACCOUNTING STUDENTS, McGraw-Hill Education, 2020, ISBN: 9789670761381